

Air pasang besar, 312 penduduk dipindah

KLANG - Sebanyak 312 daripada 75 keluarga telah berpindah ke tiga pusat pemindahan di sekitar negeri ini susulan fenomena air pasang besar yang dijangka berlaku hari ini.

Mereka yang terlibat ialah dari Kampung Tok Muda di Kapar seramai 179 orang, Kampung Sungai Air Tawar (111 orang) dan Parit Baru, Sabak Bernam (22 orang).

Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Bencana Selangor, Kolonel Ahmad Afandi Mohamad berkata, tiga pusat pemindahan itu ialah di Dewan Kampung Tok Muda, Dewan Orang Ramai Sungai Air Tawar dan Dewan Parit Baru di Sabak Bernam.

"Pemindahan penduduk ini adalah sebagai langkah kes-

elamatan susulan fenomena air pasang besar yang dijangka berlaku hari ini," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dalam pada itu, Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Seri Irmo-hizam Ibrahim mengingatkan nelayan di sekitar Kuala Selangor agar membuat perancangan sebelum turun ke laut.

Menurut beliau, ia berikutan fenomena air pasang besar yang diramal membawa angin yang kencang dan merbahaya.

"Nelayan yang turun ke laut perlu berjaga-jaga dan sentiasa memakai jaket keselamatan," katanya semalam.

Di Perak, tiga kawasan di sekitar Bagan Datoh dinaiki air awal pagi tadi berikutan fenom-

ena air pasang besar, namun tiada kediaman yang terjejas.

Air pasang yang berlaku kira-kira pukul 4 pagi menyebabkan tiga kawasan dilimpahi air iaitu Bagan Lipas, Bagan Pasir dan Kampung Kota.

Bagaimanapun tiada kediaman yang terlibat dengan banjir kerana air pasang kembali surut selepas subuh.

Hujan lebat yang turun pada awal pagi semalam juga tidak menyebabkan berlaku limpahan air di Kerian dan Taiping.

Di Kedah, fenomena air pasang besar di daerah Kuala Muda masih terkawal apabila paras air laut yang dicatatkan pada awal pagi semalam adalah setinggi 2.3 meter berbanding ramalan iaitu 2.8 meter.



SATU keluarga dari Kampung Tok Muda yang telah berpindah ke pusat pemindahan di Dewan Kampung Tok Muda, Kapar semalam.